

28/08/2000

Emkay mahu capai nilai jualan RM14.1 bilion

KUMPULAN Syarikat Emkay (Emkay), mensasarkan nilai jualan RM14.1 bilion atas pelbagai projek kediaman barunya merangkumi kawasan seluas 2,600 hektar di beberapa lokasi di negara ini.

Pengerusinya, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar berkata, keseluruhan projek kediaman bercampur iaitu rumah mampu milik dan rumah kos tinggi itu dirancang dibina dalam tempoh 14 tahun dengan sasaran nilai jualan hampir RM1 bilion setiap tahun.

Menurutnya, setakat ini, pemilikan, penukaran status tanah serta kelulusan bagi pembinaan 80,000 unit kediaman sudah diperolehi dan akan dilaksanakan secara berperingkat.

Mustapha berkata, walaupun turut membaitkan sebahagian besar pembinaan rumah mampu milik iaitu pada harga RM100,000, Emkay yakin keuntungan tetap diperolehi khususnya melalui penjualan unit kediaman mewah di Lembah Klang berdasarkan nilai hartanah yang tinggi.

"Kita sudah mendapat kelulusan dan penukaran status tanah bagi membolehkan pembinaan 80,000 unit bernilai RM14.1 bilion dalam tempoh 14 tahun nanti.

"Antara tumpuan kita akan menyediakan rumah mampu milik berdasarkan kepakaran kami selain menawarkan kediaman kos tinggi," katanya di Ipoh, semalam.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita negeri, Datuk Mazidah Zakaria, mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali menyerahkan kunci rumah kepada kumpulan pertama pemilik rumah kos rendah Taman Bercham Raya Hulu Kinta, Ipoh.

Sementara itu, Mustapha Kamal berkata, Emkay semalam berjaya membuktikan projek perumahan mampu milik termasuk kos rendah masih menguntungkan dengan syarat pihak pentadbir memberi kerjasama bagi membolehkan projek itu cepat dilaksanakan.

Menurutnya, melalui sokongan itu, projek bukan saja masih boleh memberi keuntungan tetapi jangkamasa pembinaannya juga boleh disingkatkan tanpa menjejaskan kualiti.

Katanya, kejayaannya menyiapkan 366 unit rumah kos rendah Taman Bercham Raya, melalui Program Khas Perumahan Kos Rendah atau Projek Kilat Kerajaan Perak 10 bulan lebih awal dari tarikh yang dijadualkan membuktikan perkara itu.

"Keuntungan di sini adalah dari segi kecepatan yang membolehkan kami tidak perlu membuat pembiayaan penyambung dan terlepas dari beban faedah, manakala pihak lain khususnya pembeli juga mendapat manfaat.

"Atas faktor kecepatan juga, rumah projek ini dijual hanya RM33,000 seunit berbanding harga ditetapkan kerajaan RM35,000.

"Kejayaan ini meletakkan Emkay sebagai penanda aras bahawa rumah murah boleh dibina (menguntungkan) jika ia dilakukan dalam jangka masa singkat," katanya.

Projek tiga fasa itu dimajukan anak syarikat Emkay, Zaman Teladan Sdn Bhd di atas tanah seluas 30.8 hektar yang mengandungi 1,023 unit rumah kediaman, 151 unit kedai, seunit dewan orang ramai, dua lot surau.

Bagi kumpulan pertama itu, sebanyak 366 unit rumah kos rendah siap didirikan, manakala bakinya iaitu 560 unit lagi dijangka diserahkan kepada pembeli September ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri merasmikan

pelancaran penjualan 180 unit rumah kos rendah fasa kedua projek itu pada 3 Ogos tahun lalu.

(END)